

# LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

**Kepada Pelanggan yang Dihormati,**  
Lembaran Pendedahan Produk (LPP) ini direkabentuk untuk memberikan anda beberapa maklumat penting mengenai insurans kemalangan diri anda.



Pelanggan lain yang telah membaca LPP ini dan mendapati ia bermanfaat; **anda juga digalakkan untuk membacanya.**

Tarikh:

## 1 Apakah Gen Sinar?

Gen Sinar menyediakan perlindungan 24/7 di seluruh dunia sekiranya berlaku kecederaan tubuh badan, hilang upaya atau kematian yang disebabkan semata-mata oleh kemalangan.

## 2 Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, dengan premium tahunan sebanyak **RM55**, seorang lelaki berumur 30 tahun dalam Kelas Pekerjaan 1 akan menerima perlindungan berikut:

Polisi ini <b>meliputi</b> :	Polisi ini <b>tidak termasuk</b> :
<ol style="list-style-type: none"><li>Kematian Akibat Kemalangan – <b>RM20,000</b> atau</li><li>Hilang Upaya Kekal Akibat Kemalangan – sehingga <b>RM20,000</b></li><li>Elaun Pendidikan – <b>RM100,000</b><ul style="list-style-type: none"><li>Manfaat ini sebanyak RM250 sebulan akan dibayar kepada setiap anak yang masih hidup, berdaftar dalam pendidikan sepenuh masa bermula dari sekolah rendah sehingga mencapai umur 18 tahun.</li><li>Sekiranya terdapat baki yang belum dibayar, selepas semua anak yang layak telah mencapai umur 18 tahun, jumlah selebihnya akan diagihkan secara sama rata kepada semua anak yang masih hidup.</li></ul></li></ol> <p>Nota:</p> <ol style="list-style-type: none"><li>Pembayaran di bawah Elaun Pendidikan akan dipegang secara amanah dan ditadbir oleh Amanah Raya Berhad, selaku Pemegang Amanah tunggal yang dilantik, tertakluk kepada terma dan syarat dalam suratikatan amanah yang akan dimeterai antara anda dan Amanah Raya Berhad.</li><li>Bayaran bulanan akan dihentikan apabila anak mencapai umur 18 tahun walaupun mereka masih berada dalam pendidikan sepenuh masa.</li></ol>	<ul style="list-style-type: none"><li>Sebarang tindakan yang menyalahi undang undang, pendedahan secara sengaja kepada bahaya, bunuh diri atau mencederakan diri dengan sengaja.</li><li>Sebarang penyakit yang sedia ada.</li><li>HIV dan/atau sebarang penyakit berkaitan HIV termasuk AIDS dan/atau sebarang derivatif mutan.</li><li>Kesan ubat-ubat yang diambil tanpa preskripsi doctor.</li><li>Kehamilan dan kelahiran anak</li><li>Sukan ekstrem, meneroka gua (<i>pot-holing</i>), pemburuan persendirian, rali jalan raya atau pertandingan dan apa-apa perlumbaan selain daripada larian kaki.</li><li>Penerbangan selain daripada sebagai penumpang di dalam kapal terbang berlesen yang membawa penumpang.</li><li>Perang, pencerobohan dan pemberontakan.</li><li>Tugas ketenteraan atau polis atau perkhidmatan bomba, secara tetap atau sementara di mana-mana negara.</li><li>Melibatkan diri atau mengambil bahagian dalam sebarang sukan profesional.</li></ul> <p><b>Nota:</b> Senarai ini adalah <b>tidak menyeluruh</b>. Anda harus merujuk kepada polisi untuk senarai penuh pengecualian di dalam polisi ini.</p>

Tempoh perlindungan adalah selama 12 bulan. Anda perlu memperbaharui polisi anda setiap tahun.

**Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai insurans anda, anda boleh:**



Hubungi kami di  
1300 13 2121 atau  
+603 3007 2121



Layari laman web  
kami di:  
[www.generali.com.my/travel-personal-accident/gen-sinar-bm](http://www.generali.com.my/travel-personal-accident/gen-sinar-bm)



E-mel kami di:  
[customer.service.gi@generali.com.my](mailto:customer.service.gi@generali.com.my)



Imbas kod QR  
di atas

**Maklumat BNMLINK untuk aduan / pertanyaan:**

Tingkat 4, Podium Bangunan AICB, No. 10, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur.  
Tel: 1-300-88-5465  
(Luar Negara: +603 2174 1717)  
Laman Web BNMLINK:  
[bnm.gov.my/BNMLINK](http://bnm.gov.my/BNMLINK)

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Generali Insurance Malaysia Berhad atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

### 3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk polisi insurans kemalangan diri ini, anda mesti membayar premium sebanyak:		
	Tahun Pertama	Tahun Kedua dan Seterusnya (Tahunan)
Premium perlindungan standard	<b>RM66</b>	<b>RM55</b>
Duti setem untuk pemindahan hak kepada Pemegang Amanah	<b>RM10</b> (sekali sahaja bagi setiap polisi baharu)	<b>Tiada</b>
Duti setem untuk Suratikatan Amanah	<b>RM10</b> (sekali sahaja bagi setiap polisi baharu)	<b>Tiada</b>
Jumlah premium yang perlu anda bayar ialah	<b>RM86</b>	<b>RM55</b>
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:		
Duti setem bagi Polisi	Tidak dikenakan	Tidak dikenakan
Komisen (Hanya terpakai jika produk dijual melalui pengantara)	<b>15% daripada premium atau RM9.90</b>	<b>15% daripada premium atau RM8.25</b>
Cukai Perkhidmatan	<b>8% daripada premium atau RM5.28</b>	<b>8% daripada premium atau RM4.40</b>

Kebolegunaan duti setem dan cukai perkhidmatan yang digunakan, atau sebarang cukai lain adalah tertakluk kepada undang-undang Malaysia yang berkuat kuasa.

### 4 Terma Utama Lain

- Anda mesti menyerahkan manfaat Elaun Pendidikan kepada Amanah Raya Berhad dengan menandatangani borang Pemindahan Hak Mutlak dan suratikatan amanah dalam format yang telah diluluskan, untuk secara rasmi melantik Amanah Raya Berhad sebagai pemegang amanah tunggal bagi memegang manfaat Elaun Pendidikan bagi manfaat anak-anak anda. Anda tidak dibenarkan membatalkan/menggugurkan/menarik balik pemindahan hak tersebut tanpa persetujuan bertulis daripada Amanah Raya Berhad.
  - Anda mesti memberikan maklumat yang lengkap dan tepat dalam borang cadangan, borang pemindahan hak kepada pemegang amanah dan suratikatan amanah.
  - Pengaturan bagi Elaun Pendidikan adalah tertakluk kepada terma dan syarat dalam suratikatan amanah standard yang telah diluluskan terlebih dahulu. Anda tidak dibenarkan untuk mengubah atau meminda terma tersebut. Salinan suratikatan amanah akan diberikan kepada anda atas permintaan, untuk semakan sebelum penandatanganan.
  - Anda mesti mendedahkan semua fakta penting yang anda tahu atau patut tahu, termasuk aktiviti peribadi yang boleh mempengaruhi profil risiko.
  - Anda mesti memaklumkan kepada kami dengan segera sekiranya berlaku tuntutan kematian dan kecederaan badan dalam tempoh 21 hari dari kemalangan.
  - **Individu yang Layak:**
    - Semua rakyat Malaysia dan pemastautin tetap di Malaysia.
    - Orang yang diinsuranskan yang berumur antara 18 hingga 65 tahun, dengan pembaharuan polisi sehingga umur 70 tahun.
  - **Tunai Sebelum Perlindungan:** Premium penuh mesti dibayar kepada kami atau pengantara kami yang sah sebelum tarikh kuat kuasa polisi.
- Nota:** Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Anda harus merujuk kepada polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.

### ? Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Polisi ini tidak boleh dibatalkan tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Amanah Raya Berhad berikutan Pemindahan Hak Mutlak. Sekiranya kebenaran tersebut diperolehi, kami akan memulangkan premium secara purata bagi tempoh insurans yang belum tamat, dengan syarat tiada tuntutan telah dibuat.